

Soalan No: 95

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]****TARIKH : 25.7.2017****SOALAN :**

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Effingham di Bandar Utama, Selangor adalah dalam senarai 45 sekolah yang telah memulakan program perintis Dwi Bahasa (DLP) di seluruh negara, dan kalau ada, kenapa program ini diteruskan di sekolah itu walaupun ada bantahan daripada ibu bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Effingham di Bandar Utama Petaling Jaya Selangor tidak tersenarai dalam kalangan 45 sekolah SJK(T) yang melaksanakan *Dual Language Program* (DLP). Pelaksanaan program DLP di sekolah tersebut telah diberhentikan pada 17 Mac 2017. Sekiranya hendak diteruskan, sekolah tersebut perlu membuat permohonan semula untuk melaksanakan DLP pada tahun 2018.

RJM21